

Mahu tubuh syarikat penerbitan sendiri

→ Nur Atikah kini miliki lapan kakitangan bantu urus perniagaan

info

Spekbesar Bookstore

Menjual buku bermula daripada RM6.90 (komik) hingga RM39.90 (buku rujukan).

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

■ Serdang

Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Nur Atikah Mohamad, mula membabitkan diri dalam dunia perniagaan sekitar Mac tahun lalu, melalui bisnes yang dikenali dengan nama Spekbesar Bookstore.

Beliau mencuba perniagaan itu kerana mahu menambah pengalaman sebelum membuka syarikat penerbitan sendiri pada masa depan.

Tanpa berbekalkan sebarang modal permulaan, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Manusia dan Pengurusan itu terlebih dulu memulakan perniagaan menjual bukumelalui sekolah.

"Pelbagai jenis buku yang saya jual, termasuklah buku latihan dan rujukan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, komik, novel, buku motivasi dan diari tahunan."

"Pemuluan bisnes ini tidak

mempunyai sebarang modal kerana mendapat kepercayaan daripada tiga syarikat buku yang memberi peluang kepada saya untuk mengambil kira-kira 800 buku dan menjual di sekolah yang sudah saya kenal pasti," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Luaskan lokasi

Kini, Nur Atikah yang juga pengasas Spekbesar Bookstore sudah memiliki lapan kakitangan yang membantu mengejar usaha perniagaan buat supaya tidak mengganggu urusan harian sebagai pelajar universiti.

"Setakat ini, urusan perniagaan tidak mengganggu rutin harian saya sebagai pelajar kerana dibantu kakitangan yang terdiri daripada orang luar, supaya mereka tidak terikat dengan jadual kuliah."


"Jika sebelum ini saya menjual buku melalui sekolah saja, kini syarikat meluaskan lagi lokasi jualan dengan membuka gerai jualan di carnival yang dianjurkan universiti atau pusat matikulasi."

"Pendekatan yang digunakan itu, sekali gus membuatkan jumlah buku yang berhasil dijual lebih banyak dan sambutan yang diterima juga sangat menggalakkan," katanya.

Beliau berkata, setiap perniagaan sudah tentunya mempunyai cabaran tersendiri dan usaha untuk meletakkan jenama Spekbesar Bookstore itu seberis dengan syarikat penerbitan buku sedar ada bukan satu tugas mudah.

"Ketika ini memang saya mengambil buku daripada syarikat lain tetapi pada masa depan, saya juga merancang untuk menubuhkan syarikat sendiri seberis dengan pihak industri yang sudah fama bertapak dan mencipta nama dalam bidang ini."

"Bagi memastikan usaha itu menjadi kenyataan, saya sentiasa menyertai kursus motivasi dan strategi pemasaran untuk mendapatkan ilmu bagi meningkatkan lagi Spekbesar Bookstore pada masa depan," katanya.



Nur Atikah menunjukkan sebahagian buku yang dijual oleh syarikatnya.

→ Festival cungkil bakat keusahawanan pelajar

Kuala Lumpur: Lebih 1,000 pelajar menyertai program Festival Digipreneur anjuran Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor, bertempat di Dewan Al-Jazari, PSA, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Sokongan Akademik PSA, Zalina Ismail, berkata penganjuran festival itu bertujuan untuk membangunkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar serta menyenangkan polisivitas dan semangat keusahawanan melalui pelbagai aktiviti yang dirancang.

"Program seumpama ini mampu merangsang aktiviti keusahawanan pelajar seterusnya melahirkan usahawan yang berilmu serta berkemampuan untuk bersaing pada peringkat tempatan maupun global.

"Melalui festival ini,

pelajar diberi pendedahan untuk mengetahui produk yang sebutan ini dijual secara atas talian kepada proses penjualan secara fizikal.

"Metulai gerai jualan yang dibuka itu juga ia sekali gus menumbuhkan pelajar merasai sendiri pengalaman bersaing dengan usahawan siswa yang lain," katanya ketika berucap pada majlis perasmian festival berkempen.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Selangor, Nazam Hussin.

Pelbagai produk

Sempena festival kali ini, sebanyak 30 gerai jualan oleh pelajar PSA dibuka membabitkan pelbagai produk jualan antaranya makanan dan minuman.

Selain itu, festival juga diserikan dengan pelbagai pengisian antaranya CEO



Zalina (dua dari kiri) bersama-sama Nazam mekrut gerai jualan sempena Festival Digipreneur di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Sharing Session, Forum Bicara Usahawan dan Dream Builder Pitching.

Zalina berkata, program Dream Builder adalah program pencarian usahawan berbakat bagi menyokong Pelan Tindakan Keusahawan-

wan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 bertujuan untuk memupuk nilai dan membina ciri-ciri keusahawanan yang tinggi dalam kalangan pelajar.

"Pertandingan ini memberi ruang dan peluang

kepadalah pelajar menyampaikan idea serta kreativiti mereka dalam perghasilan produk inovatif keusahawanan berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat lebih berdaya saing.

"Kumpulan yang berjaya

Festival Digipreneur

→ Sebanyak 13 kumpulan pelajar PSA melayakkan diri ke pertandingan akhir Program Dream Builder

info

akan diberikan insentif keusahawanan untuk membolehkan mereka memulakan perniagaan baharu serta menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan selepas bergraduat, katanya.